

Ahli akademik tidak lagi takut kepada PAS

Oleh Mohd Afifi Abdul Razak
bhrencana@bh.com.my

Penerbitan buku Dr Kamarul Zaman Haji Yusoff bertajuk *PAS Menuju Putrajaya: Suara Pimpinan dan Sarjana* sempena Mukhtar PAS dan sambutan 75 tahun parti itu menarik sekali bukan semata-mata kerana persoalan provokatif dibawahnya, iaitu sudahkah PAS benar-benar bersedia menuju Putrajaya, tetapi kerana siapa yang bersedia menjawab persoalan berkenaan.

Buku ini menghimpunkan 10 pandangan pimpinan PAS dan lebih menarik, 10 penilaian sarjana daripada latar akademik berbeza. Penulisnya sendiri menegaskan sarjana berkenaan diberikan

kebebasan melihat PAS melalui pilihan raya, demografi, kepemimpinan, masyarakat majmuk, komunikasi, pembentukan gabungan dan kemampuan mentadbir.

Pada saya, di sinilah antara mesej penting buku ini, iaitu ahli akademik tidak lagi takut kepada PAS. 'Tidak takut' di sini bukan bermaksud semua sarjana menyokong PAS. Jauh sekali.

Maksudnya, PAS sudah semakin dinormalisasikan sebagai objek penelitian politik arus perdana. Sarjana tidak lagi perlu berasa serba salah untuk mengakui kekuatan PAS, membincangkan kemungkinan parti itu memerintah Malaysia atau pada masa sama menegurnya secara terbuka.

tra Malaysia (UPM), pula menegaskan perkara yang kadangkala sukar diterima dalam politik kepartian, iaitu keseimbangan masyarakat bukan Islam terhadap PAS, "tidak wajar diketepikan sebagai penolakan terhadap Islam atau dianggap sebagai salah faham semata-mata". Ia adalah jurang keyakinan yang perlu dijawab melalui dasar, rekod dan komunikasi, bukannya penafian.

Paling provokatif tentu sekali tulisan Dr Mohd Ridhuan Tee Abdullah. Beliau secara terbuka mengesahkan penyatuan PAS-UMNO dan menegur kedua-duanya tanpa berselindung. Kepada UMNO, beliau mengingatkan: "Sebuah parti tidak boleh bertahan lama sekadar dengan jawatan jika identiti, prinsip dan keyakinan pengundinya semakin terhakis." Kepada PAS pula tegurannya lebih keras: "Tidak boleh pada satu pihak kita menyeru penyatuan, tetapi apabila sampai bab kerusi semua mahu dibolot sendiri."

Penyatuan menuntut pengorbanan dua pihak

Saya bersetuju dengan intiti teguran Ridhuan ini. Jika UMNO mahu kembali menjadi kekuatan politik diyakini akar umbinya, maka ia perlu mempunyai keberanian menentukan identiti dan arah perjuangannya sendiri. PAS pula tidak boleh bercakap penyatuan ummah, tetapi pada masa sama terlalu dominan dalam rundingan kerusi. Penyatuan menuntut pengorbanan kedua-dua pihak. Parti yang benar-benar kuat sepatutnya mempunyai keyakinan untuk berkongsi ruang.

Dr Iskandar Hasan Tan Abdullah dari Universiti

kepada budaya komunikasi politik PAS: "PAS tidak boleh menganggap setiap kritikan sebagai fitnah." Dakwaan palsu mesti dijawab, tetapi kritikan berasas perlu diterima. Jika semua pandangan negatif dianggap serangan politik, katanya, parti akan kehilangan kredibiliti dalam kalangan pengundi kritikal.

Dr Warjio dari Universitas Sumatera Utara, Indonesia, pula menutup lingkungan penilaian ini dengan prinsip sangat sederhana tetapi penting, iaitu "rekod lebih penting daripada retorik." Jika masyarakat bukan Islam benar-benar hidup aman, bebas berniaga dan mendapat layanan adil di negeri PAS maka pengalaman itu perlu dijadikan sebagai bukti. Jika ada kelemahan, PAS perlu berani memperbaikinya.

Di sinilah kualiti buku *PAS Menuju Putrajaya* terserlah. Ia tidak cuba menghasilkan 10 sarjana yang berkata perkara sama. Sebaliknya, optimisme diletakkan bersebelahan dengan kebimbangan; pujian disertai teguran, manakala persoalan Islam, bukan Islam, UMNO, DAP, politik identiti, Ahmad Sainsuri, ekonomi, generasi muda dan kelemahan komunikasi PAS dibincangkan tanpa banyak pantang larang.

Lebih daripada itu, buku ini menggabungkan suara pimpinan, penilaian sarjana dan kaji selidik ilmiah di negeri ditadbir PAS. Pendekatan tiga lapis ini memberikan kekuatan kepada buku ini kerana pembaca dapat membandingkan bagaimana PAS melihat dirinya, bagaimana sarjana menilainya dan bagaimana pengalaman pemerintahan diuji secara



Pensyarah kanan di Pusat Pengajian Antarabangsa (SoIS), Universiti Utara Malaysia (UUM)

Presiden Majlis Profesor Negara (MPN), Prof Emeritus Datuk Dr Raduan Che Rose misalnya, mengiktiraf kemaraan PAS, tetapi mengingatkan 'potensi tidak sama dengan kesiapsiagaan'. Lebih tajam ialah peringatannya, 'pilihan raya boleh dimenangi dengan kemarahan satu kelompok. Negara hanya boleh ditadbir dengan kepercayaan banyak kelompok.'

Beliau malah menegaskan PAS perlu menjadi parti semakin kurang ditakuti mereka yang tidak menyokongnya.

Prof Dr Baharom Abdul Hamid dari INCEIF University pula lebih optimistik dengan melihat kepemimpinan teknokratik Datuk Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar sebagai peluang bersejarah kepada PAS.

Namun, pujiannya hadir bersama amaran sensitif PAS perlu "mengelakkan penguatkuasaan moral dan retorik berlebihan: yang boleh menjauhkan pengundi bukan Islam dan bandar. Beliau juga mengingatkan PAS supaya melindungi secara nyata hak budaya dan kebebasan beragama semua kaum.

Prof Dr Ahmad Fauzi Abdul Hamid dari Universiti Sains Malaysia (USM) pula menceritakan berdasarkan pengalamannya mengajar aktivis Pemuda PAS, "menjadi anggota PAS bukan lagi satu hakikat yang perlu dirasai malu atau serba salah mengakuinya". Menariknya, Ahmad Fauzi bukan sarjana yang sentiasa lunak terhadap PAS. Beliau pernah menulis mengenai kelemahan gerakan berkenaan dan dalam buku ini sendiri menyentuh secara terbuka perpecahan 2015, tarbiah dan persoalan 'jiwa PAS'.

Dr Syed Agil Alsagoff dari Universiti Putra Malaysia (UPM) pula membawa teguran lebih teoritikal tetapi sangat tajam. Katanya, "politik identiti mungkin mampu membawa PAS kepada kemenangan", tetapi politik pemerintahan memerlukan dasar, kompetensi, kepemimpinan dan kepercayaan merentas perbezaan. PAS boleh menjadi sangat kuat dalam politik Melayu, tetapi masih gagal membina legitimasi nasional jika terperangkap dalam politik "kita dan mereka".

Dr Nur Ayuni Mohd Isa, juga dari Universiti Pu-

Teknologi MARA (UiTM) pula mengingatkan PAS bahawa sokongan generasi muda dalam PRU15: "Tidak boleh dianggap... sebagai simpanan tetap untuk Pilihan Raya Umum Ke-16 (PRU16)". TikTok boleh membuka pintu, tetapi ekonomi, pekerjaan dan prestasi menentukan sama ada anak muda terus bersama PAS.

Prof Datuk Dr Sivamurugan Pandian dari USM melihat cabaran dari perspektif pemerintahan. Bagi beliau: "*coalition management* akan menjadi antara ujian paling kritikal kepada PAS."

Parti yang kuat belum tentu mampu bekerja dengan parti lain sedangkan Putrajaya menuntut bukan sahaja *electoral readiness* tetapi *governing readiness*. Rumusannya sangat bermakna, iaitu "Putrajaya bukan hadiah. Putrajaya ialah amanah."

Prof Madya Dr Sara Chinnasamy, juga dari (UiTM) mungkin memberikan teguran paling terus

empirikal.

Selapas 75 tahun, mungkin inilah satu lagi pencapaian PAS yang jarang disebut. PAS bukan sahaja semakin hampir kepada pusat kuasa, tetapi PAS juga semakin memasuki ruang akademik tanpa perlu dilayan sebagai sesuatu terlalu sensitif untuk dibincangkan secara terbuka.

Ahli akademik tidak perlu takut kepada PAS, sementara PAS semakin matang juga tidak sepatutnya takut kepada ahli akademik kerana parti yang benar-benar bersedia untuk mentadbir bukan parti yang hanya mahu didengar dan dipuji, tetapi parti yang cukup yakin untuk dikaji, dipersoal, ditegur dan dinilai.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH

